

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD ("Pengendali Takaful/Kami")
Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Smart Income. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma & syarat-syarat amnya.	Smart Income (Ini adalah produk Takaful)
	<Date>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Smart Income merupakan pelan Takaful endowment untuk tujuan simpanan persaraan dengan tempoh pembayaran sumbangan terhad. Ia menyediakan jumlah bayaran tunai tahunan dengan pilihan umur permulaan bayaran dan umur matang. Ia juga menyediakan perlindungan bagi kematian, kematian akibat kemalangan, manfaat ihsan dan manfaat matang.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

a) Tabarru'

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana Peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

b) Wakalah

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana Peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakili hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

c) Dana Risiko Peserta (DRP)

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) berdasarkan nisbah yang telah ditetapkan. Lebih daripada DRP membuat peruntukan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak ganjaran yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan. Jumlah yang perlu dibayar kepada peserta akan dilaburkan semula dan dikumpulkan dalam DPP.

d) Dana Pelaburan Peserta (DPP)

Sebarang baki sumbangan akan diperuntukkan ke dalam DPP.

Pada setiap akhir tahun kewangan, 85% daripada sebarang keuntungan pelaburan akan dilaburkan semula ke dalam DPP. Baki 15% daripada keuntungan pelaburan akan diperuntukkan kepada Pengendali Takaful untuk menguruskan DPP berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah adalah kontrak persetujuan bersama di antara Kami dan peserta untuk keuntungan pelaburan. DPP akan dikumpulkan dan akan dibayar kepada peserta pada penghujung tempoh sijil atau selepas sijil ditamatkan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan / Manfaat	Huraian Manfaat
1	Manfaat Kematian	Jumlah berikut akan dibayar: <ol style="list-style-type: none"> Jumlah yang dilindungi sebanyak RM<sum covered>; atau Jumlah sumbangan yang diterima oleh Kami ditolak manfaat bayaran tunai yang telah dibayar; mana-mana yang lebih tinggi, dan Jumlah di dalam DPP, jika ada. Sijil ini akan tamat selepas pembayaran manfaat kematian.
2	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	1) Jika kematian berlaku di Malaysia, Singapura atau Brunei dan adalah berpunca daripada kemalangan, tambahan 100% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar, selain daripada manfaat kematian telah dibayar.

		<p>2) Jika kematian berlaku di luar Malaysia, Singapura atau Brunei dan adalah berpunca daripada kemalangan, tambahan 200% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar, selain daripada manfaat kematian telah dibayar.</p> <p>Nota:</p> <p>a) Manfaat kematian akibat kemalangan berlaku di luar Malaysia, Singapura atau Brunei adalah tertakluk kepada tempoh perjalanan 60 hari berturut-turut.</p> <p>b) Jika kematian akibat kemalangan di luar Malaysia, Singapura, atau Brunei berlaku selepas tempoh melebihi 60 hari, jumlah yang akan dibayar adalah terhad kepada tambahan 100% daripada jumlah yang dilindungi.</p> <p>c) Jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian akibat kemalangan adalah terhad kepada RM 1 juta bagi semua sijil yang dikeluarkan oleh Kami bagi orang yang dilindungi yang sama.</p> <p>d) Perlindungan untuk kematian akibat kemalangan akan tamat pada hari jadi ke-69 orang yang dilindungi.</p>																
3	Manfaat Bayaran Tunai (BT)	<p>Manfaat BT akan dibayar kepada anda setiap tahun. Jumlah BT tahunan akan meningkat sebanyak 20% selepas pembayaran BT ke-10, bermula dari pembayaran BT ke-11 sehingga umur matang sijil <75/85>.</p> <p>Jadual pembayaran BT tahunan anda adalah seperti berikut:</p> <p><If CP payment starting from the end of certificate year of age 54 and coverage term until the end of certificate year of age 75 or 85></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #FFD700;"> <th colspan="2">Umur Permulaan BT 55</th> </tr> <tr style="background-color: #FFD700;"> <th>Tahun Pembayaran BT</th> <th>BT Tahunan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1st – 10th</td> <td style="text-align: center;">RM<CP amount></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">11th sehingga matang</td> <td style="text-align: center;">RM<CP amount></td> </tr> </tbody> </table> <p><If CP payment starting from the end of certificate year of age 59 and coverage term until the end of certificate year of age 75 or 85></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #FFD700;"> <th colspan="2">Umur Permulaan BT 60</th> </tr> <tr style="background-color: #FFD700;"> <th>Tahun Pembayaran BT</th> <th>BT Tahunan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1st – 10th</td> <td style="text-align: center;">RM<CP amount></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">11th sehingga matang</td> <td style="text-align: center;">RM<CP amount></td> </tr> </tbody> </table> <p>Manfaat ini akan dibayar sewaktu sijil berkuatkuasa, berdasarkan jumlah yang dilindungi atau jumlah yang dilindungi yang terkini berdasarkan endorsemen. Manfaat ini akan ditamatkan apabila orang yang dilindungi meninggal dunia.</p>	Umur Permulaan BT 55		Tahun Pembayaran BT	BT Tahunan (RM)	1 st – 10 th	RM<CP amount>	11 th sehingga matang	RM<CP amount>	Umur Permulaan BT 60		Tahun Pembayaran BT	BT Tahunan (RM)	1 st – 10 th	RM<CP amount>	11 th sehingga matang	RM<CP amount>
Umur Permulaan BT 55																		
Tahun Pembayaran BT	BT Tahunan (RM)																	
1 st – 10 th	RM<CP amount>																	
11 th sehingga matang	RM<CP amount>																	
Umur Permulaan BT 60																		
Tahun Pembayaran BT	BT Tahunan (RM)																	
1 st – 10 th	RM<CP amount>																	
11 th sehingga matang	RM<CP amount>																	
4	Manfaat Ihsan	<p>Sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia, RM5,000 akan dibayar secara sekaligus.</p>																
5	Manfaat Matang	<p>Jumlah berikut akan dibayar:</p> <p>a) RM<maturity benefit> bersamaan 115% daripada jumlah yang dilindungi;</p> <p>b) Jumlah di dalam DPP, jika ada; dan</p> <p>c) Sebarang lebihan DRP yang belum diagihkan, jika ada.</p> <p>Pulangan tahunan untuk manfaat BT dan item (a) di atas adalah <Annualised Return %>.</p> <p>Sumbangan yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan sijil takaful ini dengan pulangan efektif alternatif-alternatif pelaburan yang lain.</p>																
6	Manfaat Serahan	<p>Nilai serahan DRP dan jumlah di dalam DPP akan dibayar.</p>																

Sijil tambahan atau rider < Note to BA: To display only selected riders.>		
No.	Perlindungan / Manfaat	Huraian Manfaat
1	Regular Top-up	Ini adalah rider tambah nilai sumbangan di mana fi wakalah sebanyak 5% akan dikenakan dan 95% daripada sumbangan rider akan diperuntukkan ke dalam DPP bagi sijil.

Peringatan: Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk jumlah yang dilindungi, tempoh perlindungan dan butiran tempoh pembayaran sumbangan sijil anda. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu anda bayar adalah RM <total contribution> <contribution mode>. Tempoh pembayaran sumbangan adalah <contribution term> tahun.

Sumbangan Asas	RM <basic contribution>
Sumbangan Tambah Nilai Berkala	RM <regular top-up contribution>

Semua sumbangan (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

a) Fi Wakalah, yang akan digunakan untuk membayar perbelanjaan pengurusan Kami dan komisen, akan ditolak daripada sumbangan berdasarkan peratusan seperti jadual di bawah, dan RM72 daripada sumbangan setiap tahun bagi setiap sijil.

<Note to BA: The table below will be customized in accordance to the contribution paying term>

Tahunan Sijil	Fi Wakalah (% daripada Sumbangan)
1	<Wakalah Fee>%
2	<Wakalah Fee>%
3	<Wakalah Fee>%
4	<Wakalah Fee>%
5	<Wakalah Fee>%
6	<Wakalah Fee>%
7	<Wakalah Fee>%
8	<Wakalah Fee>%
9	<Wakalah Fee>%
10	<Wakalah Fee>%

Nota: Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran atau sijil untuk maklumat terperinci.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan Pendedahan – Bagi membantu Kami membuat keputusan untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma sijil anda, anda perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkaitan) dan umur, dengan betul. Jika maklumat ini disembunyikan atau didapati tidak tepat, ia akan mengakibatkan kontrak tidak sah, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil berubah.
- Tempoh Tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar sumbangan yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah sijil ini adalah 31 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar.
- Kemudahan Sumbangan Automatik – Kemudahan Sumbangan Automatik akan diaktifkan secara automatik apabila sumbangan tertunggak masih belum dibayar pada akhir tempoh tangguh. Sumbangan DRP akan ditolak dari DPP, sijil akan terus berkuatkuasa selagi baki DPP mencukupi untuk membuat pendahuluan sedemikian.
- Tempoh Percuma – Anda boleh membatalkan sijil dengan mengembalikan sijil kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil diterima oleh anda. Jumlah sumbangan yang telah dibayar (tolak sebarang fi pemeriksaan perubatan) akan dikembalikan kepada anda. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika sijil ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika sijil ini dihantar secara elektronik.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada sijil untuk terma dan syarat yang menyeluruh.

7. Apakah pengecualian utama dibawah sijil ini?

a) Bunuh Diri

Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika waras, liabiliti Kami adalah terhad kepada berikut:

- i. Dalam masa 1 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini, Kami akan mengembalikan jumlah sumbangan yang diterima oleh Kami. Tiada manfaat-manfaat lain yang akan dibayar.
- ii. Selepas 1 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini, Kami akan membayar:
 - a. Jumlah yang dilindungi; atau
 - b. Jumlah sumbangan yang diterima oleh Kami ditolak sebarang manfaat bayaran tunai yang telah dibayar; mana-mana yang lebih tinggi, dan
 - c. Jumlah di dalam DPP, jika ada.

Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika tidak siuman, jumlah berikut akan dibayar secara sekaligus:

- i. Jumlah yang dilindungi; atau
- ii. Jumlah sumbangan yang diterima oleh Kami ditolak sebarang manfaat bayaran tunai yang telah dibayar; mana-mana yang lebih tinggi, dan
- iii. Jumlah di dalam DPP, jika ada.

b) Apabila kematian yang bukan disebabkan oleh kemalangan berlaku dalam tempoh 2 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini, manfaat kematian yang akan dibayar adalah pengembalian semula jumlah sumbangan yang diterima oleh Kami dan tiada Manfaat-manfaat lain yang akan dibayar. Ini hanya digunapakai bagi kes-kes penerimaan terjamin.

c) Sijil ini tidak akan melindungi kematian akibat kemalangan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- i. Kematian yang disengajakan atau bunuh diri, ketika siuman;
- ii. Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam;
- iii. Penglibatan dalam apa-apa sukan atau aktiviti berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) menunggang kuda, sukan air (kecuali kapal layar yang tidak bermotor dan berenang), memburu, perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), mendaki gunung, meneroka atau kembara gua, dan sukan musim sejuk;
- iv. Penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pada laluan tetap yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjunan udara, payung terjun, terjun bungee, luncur udara dan belon;
- v. Perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara-negara asing, atau pencerobohan;
- vi. Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang;
- vii. Provokasi fizikal dan ganas oleh orang yang dilindungi, yang membawa kepada tindak balas yang menyebabkan kematian atau kecederaan;
- viii. Penyedutan racun, gas atau wasap, yang diambil sama ada secara sukarela atau tidak;
- ix. Pencemaran radioaktif yang berpunca daripada bahan api, senjata, bahan buangan atau pemprosesan; atau
- x. Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS).

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada sijil untuk pengecualian yang menyeluruh.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil beserta permohonan penyerahan bertulis. Jika arahan pembatalan secara bertulis diterima selepas Tempoh Percuma, nilai serahan DRP dan amaun di dalam DPP, jika ada, akan dibayar kepada anda. Sila pertimbangkan dengan sewajarnya sebelum anda membuat serahan kerana nilai serahan mungkin kurang daripada sumbangan yang telah dibayar.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama) supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya. Sila emelkan kepada info@etiqa.com.my, atau hubungi Etiqa Online di talian 1300-13-8888.

10. Dimanakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?

Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank di talian 1300-88-6688, atau tulis ke Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau hubungi Etiqa Online di 1300-13-8888; atau emel ke Etiqa Family Takaful Berhad di info@etiqa.com.my. Etiqa Family Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain perlindungan serupa yang ada.

Sila rujuk kepada pengedar Kami untuk jenis-jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PENGEDAR ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini sah pada [<issue date>](#).